

**IN THE COURT OF APPEAL OF MALAYSIA**

**Coram:** Mohtarudin Baki, JCA; Kamardin Hashim, JCA; Abdul Karim Abdul Jalil, JCA

**Sohail Khan v Pendakwa Raya**

**Citation:** [2018] MYCA 191 **Suit Number:** Rayuan Jenayah No. W-05(M)-50-01/2017(PAK)

**Date of Judgment:** 20 June 2018

*Criminal law – Trafficking in dangerous drugs – Conviction – Death sentence – Appeal  
– Whether the conviction was safe*

**PENGHAKIMAN****Pengenalan**

[1] Perayu, seorang warga Pakistan, telah dituduh dan dibicarakan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ('hakim bicara') dengan satu pertuduhan memperedarkan dadah berbahaya, satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) **Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta')** yang membawa hukuman mati mandatori di bawah seksyen 39B(2) **Akta** yang sama.

[2] Butir-butir pertuduhan adalah seperti berikut:

"Bahawa kamu pada 25 Januari 2016, jam lebih kurang 11.30 pagi, bertempat di Blok D-3-18, Flat Taman Sejahtera, Jalan 12/42A, Taman Sejahtera, Segambut, dalam Daerah Sentul, di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan telah mengedar dadah berbahaya iaitu Cannabis seberat 957 gram. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama."

[3] Di akhir perbicaraan, Perayu telah didapati salah, disabitkan dan telah dijatuhkan dengan hukuman mati oleh hakim bicara yang bijaksana. Terkilan dengan sabitan dan hukuman tersebut, Perayu telah memfailkan rayuan ke Mahkamah ini.

[4] Kami telah mendengar rayuan Perayu pada 3.5.2018. Setelah mendengar pihak-pihak dan selepas meneliti rekod-rekod rayuan, kami dengan sebulat suara telah menolak rayuan Perayu. Kini kami memperincikan alasan-alasan kami menolak rayuan Perayu.

## **Kes pendakwaan**

[5] Fakta metrik kes pendakwaan dapat diringkaskan seperti berikut. Bertindak atas maklumat, pada 25.1.2016, jam lebih kurang 11.30 pagi, Inspektor Nurul Hafiz bin Mohamad (SP4) bersama satu pasukan serbuan polis telah pergi untuk membuat serbuan di sebuah rumah di alamat D-3-18, Flat Taman Sejahtera, Segambut ('Rumah tersebut'). Setelah tiba, SP4 telah mengetuk pintu yang berkunci beberapa kali. Pintu telah dibuka oleh seorang yang kemudiannya dikenali sebagai Muhammad Nadeem (SP5).

[6] SP4 dan pasukannya telah masuk ke dalam Rumah tersebut dan terus menahan tiga lelaki yang berada di dalam Rumah tersebut iaitu Perayu, SP5 dan seorang lagi yang dikenali sebagai Muhammad Fahad. Pemeriksaan fizikal telah dijalankan terhadap ketiga-tiga lelaki tersebut. SP4 menemui satu paket plastik lutsinar bahan tumbuhan kering disyaki ganja dari dalam poket seluar hadapan yang dipakai oleh SP5. Tiada apa-apa barang salah ditemui pada badan Perayu dan Muhammad Fahad.

[7] Seterusnya SP4 menjalankan pemeriksaan di bilik sebelah kanan Rumah tersebut dan telah menjumpai satu beg berwarna biru jenama 'Mizuno' (ex. P4D) yang berzip di atas lantai di tepi dinding. Apabila dibuka, di dalam beg itu ditemui satu beg plastik berwarna hitam bertulisan 'Gorgeous Boutique' (ex. P4A). Dalam ex. P4D, turut ditemui satu balutan plastik lut sinar (ex. P4B) berisi ketulan mampat bahan tumbuhan disyaki ganja (ex. P4C).

[8] Di dalam beg ex. P4D juga ditemui satu kad warganegara Pakistan (ex. P4F) dan satu kad 'Foreign Worker' (ex. P4E), kedua-duanya atas nama Sohail Khan (Perayu). Selain itu, dalam ex. P4D juga terdapat sehelai baju kemeja berwarna hijau (ex. P4G) dan sehelai seluar jeans berwarna biru (ex. P4H).

[9] Pemeriksaan di ruang tamu, SP4 telah merampas satu bil TNB (ex. P15) atas nama pemilik rumah, Lau Chean Ling (SP6). SP4 turut merampas satu pasport antarabangsa milik SP5.

[10] Semua barang kes yang dirampas dan tiga tangkapan telah dibawa balik ke Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul. Kesemua barang kes yang dirampas dan tiga tangkapan kemudiannya telah diserahkan oleh SP4 kepada pegawai penyiasat, Inspektor Rathana Kumar a/l Vardaraju (SP8).

[11] Barang kes satu ketulan mampat bahan tumbuhan disyaki ganja (ex. P4C) telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya dan telah diterima oleh ahli kimia, Zaraiha binti Awang (SP3) untuk dianalisis. Hasil analisis yang telah dijalankan, SP3 mengesahkan satu paket plastik berisi satu ketulan mampat bahan tumbuhan (ex. P4C) mengandungi sejumlah 957 gram Cannabis. SP3 juga mengesahkan Cannabis adalah seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta.

## **Dapatan hakim bicara di akhir kes pendakwaan**

[12] Hakim bicara menerima keterangan SP4 bahawa beg 'Mizuno' ialah beg yang dimiliki oleh Perayu. Dalam keterangannya, SP4 menyatakan setelah beg 'Mizuno' itu ditemui di dalam bilik di sebelah kanan Rumah tersebut, SP4 telah menunjukkan beg itu kepada ketiga-tiga tangkapan dan

bertanyakan siapakah pemilik beg itu. Perayu sendiri telah mengakui beg itu kepunyaannya. Tambahan lagi, beberapa barangan dan dokumen peribadi milik Perayu turut dijumpai di dalam beg 'Mizuno' tersebut.

[13] Hakim bicara turut menerima keterangan SP5 yang menyokong keterangan SP4 mengenai pemilik beg 'Mizuno' yang mengandungi dadah yang dipertuduhkan adalah milik Perayu. SP5 ialah penyewa Rumah tersebut dan SP5 menyatakan bilik di sebelah kanan Rumah tersebut dihuni oleh tiga orang termasuk Perayu. SP5 juga menyatakan bahawa tempat di mana beg 'Mizuno' itu ditemui oleh SP4 berdekatan dengan katil tempat tidur Perayu. SP5 juga menyatakan beg 'Mizuno' itu sentiasa digunakan oleh Perayu untuk membawa barangan peribadi milik Perayu ke tempat kerja.

[14] Hakim bicara membuat dapatan bahawa Perayu mempunyai kawalan dan jagaan serta pengetahuan akan dadah yang terdapat dalam beg 'Mizuno' tersebut. Hakim bicara memutuskan Perayu mempunyai milikan terhadap dadah Cannabis yang dipertuduhkan. Untuk elemen pengedaran, hakim bicara telah mengguna pakai anggapan statutori di bawah seksyen 37(da)(vi) **Akta** kerana berat dadah Cannabis yang terlibat melebihi had berat minima 200 gram dan dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, untuk diperedarkan.

[15] Setelah berpuas hati bahawa kesemua elemen pertuduhan telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan, hakim bicara telah memerintahkan Perayu untuk membela diri atas pertuduhan.

### **Kes pembelaan**

[16] Perayu memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Secara ringkasnya, pembelaan Perayu adalah seperti berikut:

(a) Dia datang ke Malaysia pada bulan Mac 2013 untuk bekerja di bahagian pembinaan dan tinggal di alamat Rumah tersebut. Kawannya yang bernama Arif Ahmed menyuruh dia tinggal bersama Nadeem (SP5) di Rumah tersebut. Oleh sebab SP5 tinggal di bilik yang lebih kecil, barang-barang kepunyaan SP5 telah disimpan di dalam bilik tidur Perayu;

(b) Perayu menyatakan seramai 8 orang termasuk dirinya tinggal di Rumah tersebut yang mempunyai dua bilik. Semua orang bebas keluar masuk mana-mana bilik kerana bilik-bilik tersebut tidak berkunci;

(c) Pada hari kejadian dia sedang tidur di ruang tamu apabila polis datang dan bertanyakan tentang beg miliknya. Dia telah memberikan kunci begnya dan meminta polis untuk membuat pemeriksaan. Semasa polis memeriksa begnya yang berada di dalam bilik tidur utama, dia berada di ruang tamu. Dia mengakui beg 'Mizuno' ialah beg miliknya;

(d) Polis ada memeriksa badannya, Nadeem dan Fahad tetapi tidak menjumpai apa-apa dadah kecuali di dalam poket seluar Nadeem (SP5); dan

(e) Perayu menyatakan beg 'Mizuno' miliknya tidak mengandungi apa-apa barang salah. Polis tidak ada menunjukkan dadah yang dikatakan telah dijumpai di dalam begnya. Polis ada bertanya

siapa tuan punya beg itu dan dia telah mengaku itu begnya. Kemudian polis bertanya ini barang siapa (merujuk kepada satu ketulan mampat ganja) dan Perayu menjawab dia tidak tahu. Polis tidak memberi tahu ganja itu ditemui di dalam beg atau di luar beg Perayu. Beg-beg penghuni lain juga berada di dalam bilik yang sama dan polis ada juga bertanya tentang beg-beg milik orang lain itu.

[17] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati pembelaan Perayu telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Hakim bicara mendapati tiada alasan untuk menolak keterangan SP4 dan SP5 yang didakwa oleh Perayu telah berbohong. Hakim bicara juga memutuskan bahawa Perayu telah gagal untuk mematahkan anggapan pendedaran di bawah seksyen 37(da)(vi) **Akta** atas imbalan kebarangkalian.

[18] Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan oleh hakim bicara. Perayu telah dijatuhi dengan hukuman gantung di leher sehingga mati. Justeru, rayuan Perayu di hadapan kami.

### **Rayuan Perayu**

[19] Di hadapan kami, peguam bela terpelajar telah menghujahkan empat (4) alasan rayuan untuk kami mengubah keputusan hakim bicara. Alasan-alasan itu adalah seperti berikut:

- (a) Percakapan seksyen 112 **Kanun Prosedur Jenayah** yang dirakamkan daripada Fahad (P16) tidak wajar diterima masuk. Malah, anggapan di bawah seksyen 114(g) **Akta Keterangan 1950** wajar digunapakai terhadap pihak pendakwaan atas kegagalan untuk mengemukakan Fahad ke Mahkamah untuk diperiksa balas;
- (b) Keterangan SP5 wajar ditolak kerana tidak boleh dipercayai;
- (c) Wujud percanggahan material dalam keterangan antara SP4 dengan keterangan SP5; dan
- (d) Kemungkinan akses oleh pihak ketiga terhadap barang kes dadah yang dipertuduhkan.

[20] Mengenai alasan rayuan pertama di (a), peguam bela menghujahkan P16 tidak wajar diterima masuk sebagai keterangan kerana pra syarat di bawah seksyen 32 **Akta Keterangan 1950** tidak dipenuhi. Fahad telah ditangkap dan dipertuduhkan bersama Perayu namun pertuduhan terhadapnya telah ditarik balik. Pihak pembelaan memberi indikasi memerlukan Fahad sebagai saksi pembelaan namun selepas P16 dirakamkan, Fahad telah diusir ke negara asal. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan Fahad telah diusir. Walaupun P16 tidak dibantah oleh pihak pembelaan, ketiadaan Fahad telah meninggalkan lompang dalam kes pendakwaan. Peguam bela juga berhujah kegagalan pendakwaan mengemukakan Fahad menarik pemakaian anggapan di bawah seksyen 114(g) **Akta Keterangan 1950** terhadap pihak pendakwaan dan pihak pendakwaan juga telah dikatakan gagal untuk mengecualikan (*negate*) kemungkinan barang kes dadah diletakkan dalam beg 'Mizuno' milik Perayu oleh Fahad. Peguam bela merujuk kepada keputusan dalam kes **PP v Abu Bakar Abdul Malek** [1990] 2 MLRH 8.

[21] Mengenai alasan kedua rayuan, peguam bela berhujah keterangan SP5 tidak wajar diterima oleh

hakim bicara untuk mensabitkan Perayu. Keterangan SP5 sepatutnya dinilai secara berhati-hati apabila SP5 menyatakan barang kes dadah adalah milik Perayu sedangkan dadah jenis yang sama ditemui dalam poket seluar yang dipakai oleh SP5. SP5 telah dituduh, mengaku salah dan telah dihukum bagi kesalahan tersebut. Selain itu, keterangan SP5 di Mahkamah bercanggah dengan rakaman percakapannya di bawah seksyen 112 **Kanun Prosedur Jenayah** (ex. D1).

[22] Untuk alasan rayuan ketiga, peguam bela menghujahkan bahawa terdapat percanggahan yang material antara keterangan SP4 dengan keterangan SP5. Dalam keterangan SP4, beliau mengatakan selepas pemeriksaan di dalam bilik dan penemuan dadah ganja di dalam beg 'Mizuno', beliau telah membawa beg dan kandungannya ke ruang tamu dan bertanya siapakah pemilik beg itu, dan Perayu telah mengakui beg itu kepunyaannya. Manakala SP5 dalam keterangannya menyatakan SP4 telah membawa 'bongkah dadah' duhulu dan bertanya tentang pemiliknya tetapi tiada siapa yang mengaku. SP4 kemudiannya membawa keluar beg 'Mizuno' dan diakui oleh Perayu sebagai miliknya.

[23] Untuk alasan rayuan terakhir, peguam bela menghujahkan bahawa hakim bicara telah gagal untuk membuat pertimbangan tentang kemungkinan akses oleh orang lain terhadap beg 'Mizuno' dan barang kes dadah yang dipertuduhkan kerana beg dan bilik di mana beg 'Mizuno' ditemui tidak berkunci. Terdapat keterangan bahawa sekurang-kurangnya ada lapan (8) orang lain tinggal di dalam rumah tempat kejadian yang mempunyai akses terhadap beg dan bilik itu selain rakan-rakan penghuni yang kerap datang ke Rumah tersebut. Bilik yang dihuni oleh Perayu juga turut didiami oleh Fahad dan Abbas dan ada kemungkinan dadah diletakkan oleh mereka ke dalam beg milik Perayu.

[24] Kami seterusnya akan membincangkan setiap satu alasan rayuan Perayu di hadapan kami.

### **Dapatan dan keputusan kami**

[25] Isu Fahad, keterangan pegawai penyiasat (SP7) menyatakan bahawa penama itu telah diusir ke negara asal oleh pihak Imigresen. Pada hemat kami, mustahil bagi pihak pendakwaan untuk mengesan dan mengemukakan saksi itu ke Mahkamah. Keterangan SP7 bukanlah sesuatu yang dengar cakap. Ini merupakan hasil siasatan oleh SP7 dengan pihak Imigresen berdasarkan rekod. Tidak perlulah rekod itu dikemukakan atau pegawai Imigresen dipanggil untuk mengesahkan fakta itu. Adalah selamat untuk menerima keterangan SP7 bahawa Fahad telah diusir ke negara asalnya, Pakistan.

[26] Mengenai penerimaan percakapan seksyen 112 **Kanun Prosedur Jenayah** (P16) daripada Fahad oleh hakim bicara, kami mendapati hakim bicara telah membuat keputusan yang betul. Kami bersetuju dengan hakim bicara bahawa pra syarat di bawah seksyen 32 **Akta Keterangan, 1950** telahpun dipenuhi.

[27] Kami telah meneliti rekod-rekod rayuan dan kami mendapati bahawa Fahad bukanlah saksi material yang menjadi sebahagian daripada naratif kes pendakwaan. Tanpa Fahad, kes pendakwaan adalah kukuh melalui keterangan SP4 (pegawai serbuan) dan SP5, rakan serumah Perayu. Kami juga mendapati dalam kes ini bahawa tidak ada sebarang cadangan oleh pihak pembelaan bahawa dadah yang dipertuduhkan milik Fahad, Abbas atau mana-mana penghuni yang lain dan tidak juga dicadangkan telah diletakkan di dalam beg 'Mizuno' milik Perayu oleh Fahad, Abbas atau lain-lain

orang. Oleh itu, kami mendapati hujahan peguam bela bahawa anggapan di bawah seksyen 114(g) **Akta Keterangan, 1950** terpakai tidak dapat diterima dan satu hujahan yang tersasar.

[28] Kami juga mendapati fakta kes **Abu Bakar**, supra, yang dirujuk oleh peguam bela boleh dibezakan kerana dalam kes itu tidak terdapat rakaman percakapan direkodkan sebelum saksi dibebaskan. Dalam kes terhadap Perayu pula, terdapat rakaman percakapan daripada Fahad (P16) yang diterima masuk sebagai sebahagian daripada keterangan kes pendakwaan.

[29] Mengenai bantahan peguam bela bahawa pemeriksaan (search) yang dilakukan oleh SP4 tidak disaksikan oleh Perayu dan penghuni Rumah tersebut, kami mendapati seksyen 65 **Kanun Prosedur Jenayah** yang dirujuk oleh peguam bela yang menghendaki prosedur ini dilakukan bukanlah sesuatu yang mandatori. Dengan mengambil kira bahawa pada waktu serbuan itu terdapat Perayu, SP5 yang sedang tidur di bilik berasingan dan Fahad telah dikumpulkan di ruang tamu semasa pemeriksaan di dalam bilik Perayu dilakukan dan bahawa bilik Perayu yang agak kecil, maka tiga penghuni tersebut tidak dibawa bersama masuk ke dalam bilik tidur Perayu tersebut. Pada pandangan kami perkataan ‘shall’ dan ‘be permitted’ tidak menunjukkan sesuatu yang wajib. Seksyen 65 menyatakan:

*“65. The occupant of the place searched, or some person in his behalf, shall in every instance be permitted to attend during the search, and a copy of the list prepared and signed under this section shall be delivered to that occupant or person at his request.”*

[30] Mengenai bantahan peguam bela bahawa keterangan SP5 tidak boleh dipercayai dan wajar ditolak, alasan peguam bela adalah bahawa dadah yang sama turut ditemui di dalam poket seluar yang dipakai oleh SP5. Kami tidak bersetuju dengan hujahan peguam bela. Fakta bahawa penjumpaan dadah jenis yang sama (ganja) dalam jumlah yang kecil di dalam poket seluar SP5 tidak secara automatik menjadikan dadah di dalam beg ‘Mizuno’ dimiliki oleh SP5 kerana beg ‘Mizuno’ itu telah diakui sebagai milik Perayu dan turut dirampas di dalam bilik tidur Perayu.

[31] Semasa pasukan serbuan polis sampai di Rumah tersebut, SP5 sedang tidur di bilik kedua dan SP5 yang telah membuka pintu rumah untuk pihak polis masuk. Pada masa itu hanya Perayu, SP5 dan Fahad berada di Rumah tersebut. Apa yang lebih penting, pihak pembelaan tidak pernah mencadangkan kepada SP5 bahawa dadah dalam beg ‘Mizuno’ tersebut milik SP5 atau telah diletakkan oleh SP5 ke dalam beg itu. Tidak juga dicadangkan dadah itu adalah milik Fahad. Oleh itu, kami mendapati hakim bicara betul dalam menerima keterangan SP5 dalam kes ini.

[32] Alasan ketiga rayuan Perayu berkait rapat dengan alasan rayuan kedua, bahawa keterangan SP5 wajar ditolak kerana bercanggah dengan keterangan SP4. Telah diujahkan bahawa percanggahan keterangan antara dua orang saksi itu adalah satu percanggahan yang material. Oleh itu, diujahkan tidak ada keterangan *prima facie* bahawa dadah yang dipertuduhkan ditemui di dalam beg ‘Mizuno’ milik Perayu.

[33] Peguam bela telah merujuk kepada keterangan SP4 dan keterangan SP5 yang dikatakan bercanggahan antara satu sama lain. Peguam bela berhujah bahawa keterangan SP5 tidak mengatakan dia telah melihat dadah ditemui di dalam beg ‘Mizuno’ milik Perayu. Keterangan SP5 seperti berikut

di muka surat 66-69 Rekod Rayuan Jilid 2:

"Q: En. Nadeem, setuju dengan saya bila polis masuk ke dalam rumah itu, dadah itu diambil dari balcony?"

A: Itu dalam bilik lah.

Q: Dalam bilik balcony right, dadah itu diambil plastik beg yang mempunyai dadah itu diambil dari sana, right?

A: Aku tak ada tengok bila polis mari ambil dari mana tapi bila dia tunjuk itu dadah dia tunjuk beg macam ini (saksi tunjuk tangan ke atas).

Q: Dia tunjuk macam ini lah, dari mana dia ambil you tak tahu lah?

A: Kita duduk hall lah saya tak ada nampak polis.

Q: Tapi you setuju dengan saya sekarang dadah itu diambil dari dalam bilik tapi you tak tahu dari mana tetapi dia bawa dan tunjuk ni macam kerana kamu semua di dalam?

A: Hall.

**Mahkamah:** Polis bawa keluar beg daripada bilik Sohail ke hall dan tanya kita siapa punya. Sohail mengaku beg dia selepas itu polis pegang.

Q: Kamu masih ingat, kamu boleh camkan polis yang ketuk pintu dan kamu buka kamu nampak polis itu, boleh camkan? Adakah ini polis yang semasa kamu buka pintu kamu nampak dia?

A: Ya.

Dicamkan.

t.t.

(Dato' Hj. Azman bin Abdullah)

Saya tiada re.

Q: Cuma itu tadi berkenaan dengan itu beg Sohail punya?

A: Ya.

Q: Kemudian kamu ada nampak polis membuka beg tersebut atau tidak?

A: Tidak.

Q: Tidak Nampak?

A: Ya.

**Mahkamah:** Tak nampak polis tunjuk barang ganja pada awak?

A: Tak da.

**TPR**

Q: Bila beg Sohail mengaku dia punya, polis ada tunjuk dadah tak pada kamu?

A: Dia tak ada tunjuk dadah.

Q: Pada yang lain Sohail dan Fahad?

A: Tak tahu.

Q: Kamu ingat baik-baik, cuba ingat baik-baik ada tunjuk ke tak, ingat kan dulu?

A: Itu jam ada tanya sama Sohail ni apa dia cakap 'saya pun tak tahu'.

**Mahkamah:** Dia ada tunjuk ganja dia tunjuk ganja tanya Sohail?

A: Dia terus tanya Sohail, ini apa?

**Mahkamah:** Ini apa rujuk pada apa, rujuk pada beg ke apa?

A: Ada satu paket dalam yang dia tanya ini apa tapi dia terus tanya Sohail, dia cakap saya tak ktahu ini apa lepas itu polis dia...

**Mahkamah:** Itu beg dia mengaku dia punya, yang Sohail tak mengaku tak tahu apa-apa tu apa benda yang polis tunjuk.

A: Itu pun saya tak tahu itu dalam packing macam itu yang gambar tu.

**TPR**

Pohon dibantu saksi, gambar P6D.

Q: Yang mana satu tu, tunjuk?

A: Yang ini (saksi tunjuk).

Gambar P6D yang diujung sebelah kiri saya.

**Mahkamah:** Tadi kamu ada sebut ganjakan jadi dalam beg itu ada tak polis bawa keluar barang dalam beg tunjuk bungkusannya mampat ganja itu pada kamu dan Sohail ke siapa-siapa.

A: Tak, ada bawa satu beg dulu lepas tu dia tanya ini apa sama Sohail, Sohail cakap tak tahu lepas



itu dia ambil tu dibawa beg ini siapa punya lepas tu Sohail cakap beg saya punya.

**Mahkamah**: Mula-mula dia bawa bungkus bongkah itu dalam gambar tu lah?

A: Ya.

**Mahkamah**: Lepas Sohail kata tak tahu dan selepas itu dia tanya beg siapa?

A: Sohail kata saya punya.

**Defence Cross: Tambahan**

Q: You setuju dengan saya, sesiapa barang yang polis ambil tu bukan dari beg?

A: Itu tak tahu lah pasal dia bawa dari bilik bukan depan-depan dia buka.

**TPR**: Re tambahan tiada

**Mahkamah**: Saksi dilepas dan dibebaskan.

t.t.

(Dato' Hj. Azman bin Abdullah)

[34] Berdasarkan keterangan SP5, peguam bela menghujahkan bahawa SP4 pada mulanya telah menunjukkan hanya satu ketulan (bongkah) ganja kepada Perayu, SP5 dan Fahad yang berada di ruang tamu. Kemudiannya SP4 dikatakan telah masuk semula ke dalam bilik dan keluar semula membawa beg 'Mizuno' lalu bertanya beg itu milik siapa dan telah diakui oleh Perayu sebagai miliknya. Dihujahkan keterangan SP5 ini berbeza dengan keterangan SP4 yang menyatakan bahawa SP4 hanya sekali membawa keluar beg 'Mizuno' yang di dalamnya mengandungi satu ketulan mampat ganja dan menunjukkan kepada tiga tangkapan itu beg dan ganja tersebut serta bertanya siapa pemilik beg 'Mizuno' tersebut dan telah diakui oleh Perayu.

[35] Kami merujuk kepada keterangan SP4 seperti di muka surat 31-56, seperti berikut (setakat yang berkaitan dengan isu yang sama):

Q: Ya?

A: Seterusnya saya jalankan pemeriksaan lanjut dalam rumah telah menjumpai di atas lantai di dalam bilik sebelah kanan 1 beg warna biru jenama Mizuno di dalamnya terdapat 1 beg plastic warna hitam bertulis 'Gorgeous Boutique' di dalamnya terdapat satu balutan plastic lutsinar berisi ketulan mampat tumbuhan kering disyaki ganja jumpa juga dalam beg tersebut 1 kad warganegara Pakistan dan 1 kad Foreign Workers atas nama Sohaili Khan, 1 kemeja warna hijau dan 1 seluar jeans warna biru.

Q: Ya?

A: Seterusnya saya rampas kesemua barang kes, saya telah serahkan sesalinan Borang Bongkar kepada suspek dan saya bawa suspek bersama barang kes ke pejabat Narkotik Sentul untuk tindakan selanjutnya.

...

Q: Boleh jelaskan pada Mahkamah bagaimana keadaan beg yang dijumpai pada tarikh kejadian?

A: Beg dalam keadaan berzip tutup dan bersandar pada dinding di bahagian 'X'.

Q: Setelah Inspektor berjumpa dengan beg tersebut apa yang Inspektor lakukan terhadap beg tersebut?

A: Saya telah buka beg tersebut dan mengeluarkan isi di dalam bag tersebut.

Q: Apa yang terkandung isi dalam beg tersebut boleh jejaskan kepada Mahkamah?

A: Terdapat satu bungkusan plastik warna hitam di dalamnya 1 balutan plastik lutsinar berisi ketulan mampat tumbuhan kering disyaki ganja, 1 kad foreign workers, 1 kad warganegara Pakistan atas nama Sohail Khan, 1 baju kemeja warna hijau dan 1 seluar jeans warna biru.

Q: Seterusnya apa lagi yang dilakukan setelah pemeriksaan terhadap beg tersebut telah dilakukan?

A: Saya masukkan semula barang-barang kes ke dalam beg tersebut dan rampas dan bawa balik pejabat Narkotik Sentul.

...

Q: Melainkan apa yang kamu rampas dari beg Mizuno itu melainkan apa yang kamu rampas dari beg Mizuno tu ok, adakah kamu bertanya kepada Sohail Khan ataupun Nadeem ataupun Fahad itu beg kepunyaan siapa, beg Mizuno?

A: Ada.

...

Q: Saya cadangkan kamu, ini adalah cadangan, saya cadangkan kepada kamu sebenarnya melainkan barang-barang peribadi memang tiada apa barang salah yang dijumpai dalam beg biru itu, saya cadangkan kepada kamu?

A: Tidak setuju.

Q: Saya juga cadangkan kepada kamu seperti apa yang diberitahu oleh untuk saya daripada tertuduh lain dadah tersebut dijumpai di atas balcony dan dibawa masuk:

A: Tidak setuju.

Q: Saya cadangkan kepada kamu, semasa kamu masuk ke rumah itu kamu sedang mencari barang dadah itu kamu telah bertanya 3 budak itu mana barang-barang dan mereka kata "kami tak tahu apa yang kamu cakap"?.

A: Tidak setuju.”.

[36] Kami tidak bersetuju terdapat percanggahan dalam keterangan SP5 dengan keterangan SP4 dalam kes ini berkaitan sama ada SP4 ada menunjukkan dadah kepada Perayu dan dua lagi penghuni rumah itu. Begitu juga kami tidak bersetuju dengan dakwaan bahawa SP4 telah menunjukkan kepada mereka beg ‘Mizuno’ dan dadah secara berasingan. Kami telah meneliti keterangan SP4 dan SP5 dan kami tidak mendapati bahawa ini yang telah berlaku. Keterangan SP5 tidak ada menyatakan dengan jelas bahawa SP4 telah membawa keluar barang kes beg dan dadah dari dalam bilik secara berasingan. Kami juga memahami keterangan SP5 bahawa setelah beg ‘Mizuno’ berisi dadah ditunjukkan kepada mereka dan diakui oleh Perayu sebagai kepunyaannya, SP4 telah mengeluarkan satu ketulan mampat dadah itu dan ditunjukkan hanya kepada Perayu sambil berkata “Ini apa?”. Ini menjelaskan keterangan SP5 mengapa dia mengatakan tidak melihat SP4 menunjukkan dadah kepada mereka.

[37] Peguam bela turut menghujahkan bahawa dadah itu bukan kepunyaan Perayu walaupun jika benar telah ditemui di dalam beg ‘Mizuno’ milik Perayu. Peguam bela telah mencadangkan dadah ditemui atas lantai dalam bilik tetapi tidak dipersetujui oleh SP4. Begitu juga cadangan bahawa dadah ditemui di balkoni rumah juga tidak dipersetujui oleh SP4 dan SP5. Namun, peguam bela tidak pernah mencadangkan bahawa dadah itu telah diletakkan ke dalam beg ‘Mizuno’ oleh SP4, SP5 atau oleh penghuni yang lain.

[38] Alasan rayuan terakhir Perayu ialah pihak pendakwaan gagal untuk mengetepikan akses pihak ketiga terhadap dadah yang dipertuduhkan. Peguam bela berhujah terdapat seramai 8 orang selain Perayu tinggal di dalam Rumah tersebut dan kemungkinan dadah diletakkan oleh pihak ketiga di dalam beg milik Perayu. Walaupun itu hujahan peguam bela, namun tidak pernah dicadangkan begitu kepada saksi-saksi utama pendakwaan seperti SP4, SP5 dan SP7. Saksi SP5 menafikan dadah itu miliknya. Begitu juga dengan Fahad, dalam P16 menafikan dadah itu miliknya.

[39] Selain itu, penghuni lain didakwa bernama Abbas, Suib, Kamalan, Farouk, Ridzuan dan Faizal. SP5 menyatakan setiap penghuni mempunyai kunci Rumah tersebut dan dua bilik Rumah tersebut tidak berkunci. SP7 mengakui dia tidak ada menyiasat terhadap penama-penama tersebut selain terhadap tiga tangkapan (Perayu, SP5 dan Fahad). Tidak dinafikan bahawa Perayu dan peguam bela tidak pernah memberikan maklumat lanjut dan jelas mengenai penama Abbas, Suib, Kamalan, Farouk, Ridzuan dan Faizal untuk membolehkan penyiasatan yang bermakna dapat dilakukan oleh SP7. Kami mendapati bahawa tidak ada ‘Notis Alcontara’ yang sempurna telah diberikan kepada pihak polis. Oleh itu pihak polis tidak boleh dipersalahkan atas kegagalan untuk menyiasat penama-penama tersebut.

[40] Dalam kes rayuan ini, kami berpendapat dapatan dan keputusan hakim bicara telah diasaskan kepada keterangan dan hakim bicara telah membuat dapatan fakta yang tidak wajar dicampuri oleh

Mahkamah ini (**Dato' Seri Anwar Ibrahim v PP & Another Appeal** [2004] 3 CLJ 737 dan **Magendran Mohan v PP** [2011] 1 CLJ 805).

### **Kesimpulan**

[41] Berdasarkan alasan-alasan yang kami sebutkan di atas, kami dengan sebulat suara mendapati bahawa rayuan Perayu tidak mempunyai sebarang merit. Kami mendapati sabitan adalah selamat dan disokong oleh keterangan yang mencukupi. Dengan itu, rayuan Perayu ditolak. Sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi disahkan dan dikekalkan.

Bertarikh: 20 Jun 2018

t.t.

### **KAMARDIN BIN HASHIM**

Hakim

Mahkamah Rayuan Malaysia

### **COUNSEL**

Bagi Pihak Perayu: Afifuddin Mohd Hafifi, Tetuan Salehuddin Saidin & Associates, Wisma Salehuddin, No. 14, Jalan Tengku Ampuan Zabedah A/9A, Seksyen 9, 40100 Alam, Selangor

Bagi Pihak Responden: Tengku Intan Suraya bt Tengku Ismail, Timbalan Pendakwa Raya, Bahagian Perbicaraan dan Rayuan, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya

### **LEGISLATION REFERRED TO:**

*Akta Dadah Berbahaya 1952, Seksyen-seksyen 2, 37(da)(vi), 39B(1)(a), 39B(2)*

*Akta Keterangan 1950, Seksyen-seksyen 32, 114(g)*

*Kamun Prosedur Jenayah, Seksyen-seksyen 65, 112*

### **JUDGMENTS REFERRED TO:**

*Dato' Seri Anwar Ibrahim v PP & Another Appeal* [2004] 3 CLJ 737

*Magendran Mohan v PP* [2011] 1 CLJ 805

*PP v Abu Bakar Abdul Malek* [1990] 2 MLRH 8

Notice: The Promoters of Malaysian Judgments acknowledge the permission granted by the relevant official/ original source for the reproduction of the above/ attached materials. You shall not reproduce the above/ attached materials in whole or in part without the prior written consent of the Promoters and/or the original/ official source. Neither the Promoters nor the official/ original source will be liable for any loss, injury, claim, liability, or damage caused directly, indirectly or incidentally to errors in or omissions from the above/ attached materials. The Promoters and the official/ original source also disclaim and exclude all liabilities in respect of anything done or omitted to be done in reliance upon the whole or any part of the above/attached materials. The access to, and the use of, Malaysian Judgments and contents herein are subject to the [Terms of Use](#).